

20 JUN 2003

Abdullah-Timbangan/I

TIMBALAN AKAN DILANTIK SELEPAS AMBIL ALIH JAWATAN PM - ABDULLAH

KUALA LUMPUR, 20 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang bakal menggantikan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata beliau hanya akan mengumumkan nama timbalannya apabila mengambil alih jawatan sebagai Perdana Menteri.

"Apa jua pengumuman yang akan saya buat mengenai perkara ini, tentang siapa yang akan menjadi timbalan saya, hanya akan dilakukan apabila saya mengambil alih jawatan Perdana Menteri," katanya kepada pemberita selepas pertemuan dengan para pemerhati politik asing di luar Perhimpunan Agung Umno ke-54 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini hari ini.

"Dalam bulan Oktober, saya rasa...bukan, bukan... tidak dalam bulan Oktober kerana Dr Mahathir masih dalam jawatan. Jadi ia semestinya dalam bulan November," kata Timbalan Perdana Menteri.

Ditanya sama ada beliau mungkin mengumumkan nama timbalannya lebih cepat daripada itu, Abdullah berkata: "Nantilah dulu, saya belum pegang jawatan PM."

Mengenai sama ada beliau akan menamakan timbalannya sebelum atau selepas pilihan raya umum akan datang, beliau berkata tarikh pilihan raya umum masih belum diputuskan lagi.

Ditanya mengenai siapa dalam fikirannya akan menjadi timbalan beliau, Timbalan Presiden Umno itu berkata: "Jika saya beritahu anda sekarang samalah seperti saya mengumumkannya."

Ketika menjawab pertanyaan lain, mengenai bentuk tindakan yang lebih tegas pada pendapatnya, untuk memastikan ancaman terhadap parti dapat dibendung, beliau berkata yang paling penting, seluruh anggota Umno patut memastikan parti terus mempunyai perpaduan yang kukuh.

"Kita mesti mempunyai satu niat dan satu tujuan dan pastikan perjuangan parti kita dapat dihayati oleh semua. Dengan ini sahaja ia akan memberi kekuatan kepada kita untuk menghadapi cabaran daripada mana-mana pihak sekalipun," katanya.

Mengenai cadangan beberapa anggota perwakilan supaya pucuk pimpinan mengambil tindakan memecat mereka yang didapati bertindak mengancam keutuhan parti, Abdullah berkata mana-mana anggota parti yang melanggar disiplin dan memudaratkan parti serta bersubahat dengan pihak lain untuk menggalahkan Umno, pastinya akan dikenakan tindakan.

"Tentulah tindakan disiplin mesti diambil dan yang paling sesuai ialah dipecat," katanya.

Mengenai pertemuannya dengan sejumlah 70 pemerhati asing daripada 26 buah parti politik 21 negara itu, Timbalan Perdana Menteri berkata wakil-wakil parti politik berkenaan telah melahirkan keinginan untuk meneruskan kerjasama antara Umno dan parti-parti mereka.

Abdullah berkata beliau telah mengambil kesempatan dalam pertemuan selama sejam itu menyatakan bahawa kerjasama berkenaan akan diteruskan termasuk dengan kerajaan negara masing-masing.

"Apabila peralihan kuasa berlaku sewaktu saya mengambil alih (jawatan Perdana Menteri) nanti, saya akan teruskan kerjasama yang telah wujud selama ini dan juga kerjasama dua hala dengan kerajaan di negara mereka," katanya.

Timbalan Perdana Menteri berkata usaha juga akan ditingkatkan supaya kerjasama berkenaan akan memberi kebaikan kepada semua pihak.

-- BERNAMA

HS HS RON

